

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH, JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JASWPKL)

WP KUALA LUMPUR, 12 & 13 Jun 2023- Unit Pengawasan dan Kesedaran JASWPKL telah menjalankan program pengawasan kualiti air tanah di Stesen Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di jajaran Lebuhraya Mex, Wetland Putrajaya dan Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin. Sebanyak 28 sampel air tanah telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis.

Terdapat tujuh 7 buah Stesen Pemantauan Kualiti Air Tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Aktiviti persampelan ini adalah untuk memantau tahap kualiti air tanah yang dirancang bagi tahun 2023.